

31/08/1998

Tambah kadar tabungan bantu pulihkan kegawatan

HARI ini, genap 41 tahun negara kita merdeka. Zaman penjajahan menyaksikan negara di bawah pemerintahan pelbagai bangsa asing sejak kejatuhan empayar Melaka pada 1411. Bayangkan berapa banyak kekayaan negara dibawa keluar oleh mereka sewaktu tempoh penjajahan yang berlaku hampir 500 tahun. Sedangkan kita ketika mula-mula merdeka, tiada syarikat gergasi yang dimiliki oleh orang tempatan, kebanyakan syarikat yang ada dikuasai bangsa asing. Malah, sebelum negara mencapai kemerdekaan, ada suara sumbang yang memperkecilkan keupayaan negara untuk berdikari selepas 500 tahun dijajah bangsa asing.

Justeru itu, kerajaan mula melancarkan pelbagai program pembangunan ekonomi untuk memastikan negara mampu berdikari selepas merdeka. Antaranya, Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang memberi penekanan kepada pembangunan ekonomi masyarakat Bumiputera dalam memastikan kestabilan dan keharmonian negara dapat dikekalkan. Pihak luar mengkritik DEB kerana ia dianggap sebagai suatu amalan pilih kasih terhadap Bumiputera. Menurut mereka, golongan bukan Bumiputera pasti akan tersisih dan tidak lagi dapat bersaing secara sihat dalam bidang ekonomi.

Tanggapan mereka sama sekali salah, negara menikmati kemajuan ekonomi yang dibantu dengan kestabilan politik dan keharmonian antara kaum. Tiada pihak yang tersisih melalui pelaksanaan DEB, malahan ia dianggap sebagai satu langkah bijak apabila negara mampu mengharungi kegawatan ekonomi tanpa dibebani masalah politik atau perpaduan kaum.

Mekanisme yang ada dalam DEB dapat membantu Bumiputera dan bukan Bumiputera bekerjasama dalam pembangunan ekonomi dengan berdasarkan pendapat perkongsian bijak. Beberapa tahun lalu, negara berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi sekitar lapan peratus dan ini melonjakkan Malaysia di mata dunia sebagai salah satu negara yang berdaya maju dan mampu bersaing di pasaran antarabangsa.

Serangan spekulator mata wang terhadap sistem ekonomi rantau Asia terutama negara Asia Tenggara seperti Thailand, Indonesia dan tidak terkecuali Malaysia, menyebabkan kejayaan ekonomi yang dinikmati terjejas. Nilai mata wang jatuh mendadak hingga ke paras 60 peratus. Usaha selama 40 tahun membangun ekonomi negara tercabar dalam masa tidak sampai 12 bulan. Inilah kesan ekonomi sejagat yang mana sistem ekonomi sepatutnya berasaskan persaingan sihat dan berteraskan keadilan sejagat, tetapi sebaliknya membawa kepada eksploitasi dan manipulasi pihak tidak bertanggungjawab.

Walaupun agensi kewangan antarabangsa mengemukakan pakej menyelamatkan ekonomi bagi negara terbabit, ia tidak memberi kesan diharapkan. Masing-masing menyalahkan satu sama lain kerana kegagalan bertindak dalam memulihkan keadaan ekonomi seperti yang diharapkan. Pakej pemulihan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mengakibatkan ramai pekerja berhenti kerja dan banyak syarikat terpaksa ditutup akibat kesempitan kecairan untuk meneruskan operasi mereka. Dasar kewangan kerajaan negara terbabit yang meminta bantuan diubah berdasarkan kehendak IMF untuk membolehkan mereka mendapatkan bantuan kewangan diperlukan. Tiada lagi kebebasan dalam membuat keputusan dan kepentingan rakyat juga terpaksa dikorbankan seperti menaikkan cukai, kadar faedah dan pelbagai langkah yang menyukarkan orang ramai.

Ini adalah satu bentuk penjajahan baru yang membolehkan mereka yang berkuasa dari segi ekonomi untuk mendapatkan keuntungan melalui kesusahan

orang lain. Pertahanan yang tinggal bagi kita semua ialah melalui tekad yang jitu, perpaduan yang tidak berbelah bahagi dan bersedia menyokong setiap tindakan kerajaan serta tidak terpengaruh dengan sebarang khabar negatif yang boleh menjejaskan keharmonian negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan pembangunan ekonomi yang dijalankan ketika negara menikmati kekukuhan ekonomi dengan nilai ringgit tinggi adalah satu langkah bijak. Contohnya, pembinaan kompleks sukan Bukit Jalil yang bernilai RM2 bilion (AS\$500 juta) adalah satu langkah yang wajar, ini kerana projek itu jika dilaksanakan sekarang akan mengakibatkan kos jauh lebih tinggi. Menurut beliau, kerajaan akan berusaha berdikari untuk mendapatkan bantuan kewangan bagi mengekalkan kemerdekaan dan kebebasan negara.

Sokongan kita dalam usaha ini ialah dengan meningkatkan kadar tabungan dan mengekalkan tabungan sedia ada. Ini dapat membantu institusi kewangan tempatan untuk menggunakan dana ini bagi memulihkan keadaan ekonomi. Permodalan Nasional Bhd melalui skim ASN, ASB dan ASW 2020 adalah instrumen simpanan dan pelaburan bersifat jangka panjang dan dapat memberikan pulangan berdaya saing kepada pelaburnya. Justeru itu, sama-samalah kita menabung ke arah kesejahteraan ekonomi negara.

(END)